



جباٰن کحاکیم شرعيۃ مليسیا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800
FAKS: 03-888 91627

JKSM /100-24/5 Jld. 4 (28)

29 Jamadilawwal, 1428H/
15 Jun, 2007M

**Y.A.A Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri**

Arahan Amalan No. 15 Tahun 2007

Alasan Yang Menyebabkan Hak Jagaan Seseorang Bapa Atau Pihak Sebelah Lelaki Hilang Kelayakan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb. April 2007 di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan bagaimana hak jagaan seseorang bapa atau seseorang lelaki lain boleh hilang kelayakan terhadap hadanah, antaranya ialah :-

- i) jika dia berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka ;
- ii) jika dia murtad ;
- iii) jika dia mencuaikan atau menganiaya kanak-kanak itu;
- iv) jika dia menjadi tidak sempurna akal;
- v) jika dia berpenyakit kusta, sopak atau penyakit-penyakit lain yang berjangkit yang membahayakan kanak-kanak itu.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.



(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA